

39 Menurut Mazhab Syafie, aurat perempuan adalah seperti berikut

- A Semua bahagian.
- B Muka dan tapak tangan sahaja.
- C Semua bahagian kecuali muka sahaja.
- D Semua bahagian kecuali muka dan tapak tangan.

40 Pakaian yang paling baik dalam Islam adalah

- A Pakaian mahal.
- B Pakaian Taqwa.
- C Pakaian cantik.
- D Pakaian murah tetapi berjenama.

Soalan 41 hingga 50

Pilih di antara **A** atau **B** dan tulis jawapan anda di ruangan jawapan yang disediakan serta hitamkan pada kertas jawapan yang disediakan.

A	BETUL	B	SALAH
---	-------	---	-------

NO SOALAN	PERNYATAAN	JAWAPAN
41	Zakat merupakan Rukun Islam yang ke 5.	
42	Zakat terbahagi kepada 2 bahagian iaitu zakat fitrah dan zakat harta	
43	Terdapat 8 golongan yang berhak menerima zakat.	
44	Diharuskan untuk doktor lelaki merawat pesakit perempuan tanpa ada apa-apa batasan.	
45	Tidak mengapa jika tidak menutup aurat secara sempurna dengan syarat hati kita baik.	
46	Mazhab Syafie tidak mewajibkan lelaki Muslim untuk berkhatan.	
47	Pemakaian sari dan ceongsam adalah diharuskan selagi mana ia menutup aurat.	
48	Hibah bermaksud pemberian kasih sayang ketika seseorang masih hidup.	
49	Fiqh Awlawiyyat adalah ilmu yang membahaskan tentang keutamaan yang perlu diambil kira dalam menjalankan sesuatu syariat yang telah ditetapkan oleh Islam.	
50	Orang Islam tidak mewarisi harta Orang bukan Islam begitu juga sebaliknya.	

**BAHAGIAN B
(60 MARKAH)****SOALAN 1****(10 MARKAH)**

1. Berikan tiga(3) contoh perbuatan ihsan seorang anak muallaf terhadap ibu bapa bukan Muslim.

1 _____

2 _____

3 _____

(3 markah)

2. Nyatakan hukum menukarkan nama asal kepada nama yang baru setelah memeluk Agama Islam.

(2 markah)

3. Berikan tiga(3) nama sahabat yang mengekalkan nama bapa masing-masing walaupun bapa mereka bukan Muslim.

1 _____

2 _____

3 _____

(3 markah)

4. Apakah hikmah penambahan lafaz Abdullah kepada nama asal bagi muallaf yang baru memeluk Agama Islam sebagai contoh penambahan lafaz Abdullah bagi nama Chong Lim, menjadi Chong Abdullah Lim

1 _____

2 _____

(2 markah)

SOALAN 2**(10 MARKAH)**

1. Apakah pengertian hadhanah menurut syarak?

_____ (1 Markah)

2. Apakah hikmah Islam meletakkan ibu sebagai insan yang lebih layak memiliki hak hadhanah?

_____ (1 Markah)

3. Fiqh Islam meletakkan tiga (3) dasar dalam menentukan hak penjagaan anak dalam Islam. Nyatakan tiga (3) dasar tersebut.

1 _____

2 _____

3 _____

(3 Markah)

4. Selvi dan Muthu telah berkahwin dan mempunyai seorang anak yang bernama Sharmala. Setahun berikutnya, Selvi memeluk agama Islam. Apakah status anaknya mengikut pandangan Islam serta perundangan?

(5 markah)

SOALAN 3**(10 MARKAH)**

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Faraid?

(2 markah)

2. Di dalam hukum syarak, orang bukan Muslim tidak harus mewarisi harta daripada Muslim secara faraid. Namun dibolehkan melalui kaedah lain. Nyatakan kaedah yang anda tahu beserta maksudnya.

(2 markah)

3. Wasiat adalah perkara yang wajib dilaksanakan selepas berlakunya kematian. Lim Abdullah telah mewasiatkan kesemua hartanya kepada ibunya yang belum Islam.

a. Apakah hukum perbuatan Lim Abdullah yang mewasiatkan kesemua hartanya kepada ibunya.

b. Sekiranya Lim meninggal dunia, berapakah bahagian dalam faraid untuk isterinya dan anak perempuan yang beragama Islam.

Isteri = _____

Anak perempuan = _____

(4 markah)

4. Berapakah kadar wasiat yang dibenarkan dalam faraid?

(2 markah)

SOALAN 4**(10 MARKAH)**

1. Apakah hukum menutup aurat bagi lelaki dan wanita Islam?

_____ (2 Markah)

2. Nyatakan had aurat bagi lelaki dan perempuan ketika dalam solat mengikut pandangan Mazhab Syafie.

Lelaki : _____

Perempuan : _____

_____ (4 markah)

3. Berikan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syariat dalam berpakaian bagi perempuan.

1 _____

2 _____

3 _____

(3 markah)

4. Apakah yang dimaksudkan dengan sebaik-sebaik pakaian dalam Islam?

_____ (1 Markah)

SOALAN TAMAT